

# Seramai 341 mahasiswa UMS sertai Kursus Kepimpinan Pelajar 2012

UB 29.02.2012 B3

**S**ERAMAI 341 orang mahasiswa UMS telah mengikuti Kursus Kepimpinan Pelajar UMS bagi sesi 2012/2013.

Penyertaan adalah di kalangan pelajar tahun 1 dan tahun 2 iaitu seramai 200 orang mahasiswa dari kampus induk, 130 orang mahasiswa dari Kampus cawangan Antarabangsa Labuan dan 11 orang dari Kampus cawangan Sandakan.

Jumlah penyertaan mahasiswa mengikuti kursus ini telah meningkat sebanyak dua kali ganda berbanding 100 orang pada 2010 dan 136 orang pada 2011.

Sesungguhnya peningkatan penyertaan mahasiswa ini merupakan petunjuk bahawa mahasiswa semakin matang, berpandangan jauh dan sentiasa mencari peluang untuk meningkatkan ilmu pengetahuan serta kemahiran.

Kursus yang dijalankan selama dua hari di Eco Lake Training Center Membakut ini bertujuan memberikan perspektif kepada mahasiswa mengenai peranan dan tanggungjawab mereka selaku

pemimpin mahasiswa kelak di peringkat universiti, kebangsaan dan antarabangsa.

Mahasiswa yang menyertai kursus ini mendapat kesedaran betapa pentingnya semangat patriotisme dalam konteks negara majmuk seperti Malaysia, kepentingan membina sikap kerjasama berpasukan, meningkatkan kemahiran penyelesaian masalah melalui sikap profesional, kebijaksanaan dan kesarjanaan.

Hari pertama kursus, mahasiswa dimantapkan melalui syarahan oleh Pensyarah UMS dan Pegawai HEP berkaitan Sejarah Bangsa Malaysia dari sudut sosio-ekonomi, pendidikan dan sistem pentadbiran negara.

Mahasiswa diminta memberikan pengucapan awam secara berkumpulan mengenai aplikasi Rukun Negara menurut pandangan mereka ke arah Pembinaan Bangsa Malaysia yang aman dan bersatu padu menuju negara maju pada 2020.

Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UMS; ACP (K/S)



**SERAMAI 341 orang mahasiswa fokus mendengar ceramah yang disampaikan.**

Prof. Madya Datuk Dr. Hj. Kasim Hj. Md Mansur, tidak melepaskan peluang untuk bersama-sama berkongsi kepakaran dan informasi kepada mahasiswa pada hari kedua kursus.

Beliau yang sememangnya berjiwa imahasiswa telah menyampaikan ceramah 'Mahasiswa Pemimpin Masa hadapan: Cabaran dan Harapan'.

Beliau menasihati semua pemimpin mahasiswa hendaklah

mempersiapkan diri iaitu bukan setakat memiliki tetapi menguasai API dalam diri iaitu akhlak yang mulia, pengetahuan serta berkemahiran yang tinggi tahapnya dan ilmu yang tulin lagi pelbagai.

Turut berkongsi maklumat kepada mahasiswa adalah Ketua Jabatan HEP iaitu Kapten Darwis Awang.

Beliau menyampaikan tajuk 'Bagaimana mahasiswa mengoptimalkan peranan dan tanggungjawab Jabatan Hal Ehwal Pelajar dalam kebajikan dan pembangunan sahsiah mahasiswa'.

Darwis telah memberikan simulasi yang mudah tetapi ternyata memberi impak yang sangat besar kepada setiap mahasiswa.

Simulasi berkenaan berjaya memberi pengertian yang mendalam kepada mahasiswa bahawa seorang pemimpin itu hendaklah mempunyai sikap yang terbuka, sikap menerima

dan menghormati semua pihak, mengambil berat orang yang dipimpin dan sanggup berkorban demi kelangsungan agama, bangsa serta negara.

Sebagai penyokong atau kepada mahasiswa yang dipimpin pula mereka hendaklah mempunyai sikap setia kawan dan memberikan sokongan padu yang tidak berbelah bahagi kepada pemimpin mereka untuk mencapai kemakmuran dan kecemerlangan organisasi serta negara bangsa yang tercinta.



**KASIM ketika menyampaikan ceramah beliau sempena Kursus Kepimpinan Pelajar 2012.**



**KASIM, Darwis dan para fasilitator bergambar bersama para peserta pada majlis penutupan kursus itu.**